

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUSTUSAMI  
[PADANG SERAI]**

**SOALAN**

**TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI [PADANG SERAI]** minta **MENTERI KESIHATAN** memberi penjelasan mengenai klinik kesihatan Padang Serai. Adakah pihak Kementerian ada merancang untuk menaik taraf klinik tersebut sebagai klinik kesihatan 24 jam.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Klinik Kesihatan (KK) Padang Serai mempunyai liputan populasi seramai 27,102 orang dan menerima purata 272 orang sehari sebelum tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan 135 orang sehari selepas PKP. KK Padang Serai menyediakan perkhidmatan yang menyeluruh dan komprehesif merangkumi pesakit luar, kesihatan Ibu dan Anak dan perkhidmatan kecemasan disediakan dan beroperasi 24 jam setiap hari.

2. Oleh kerana KK Padang Serai masih dapat menampung kedatangan harian, termasuk purata kes kecemasan yang hanya 3 orang sehari, pada waktu pejabat dan 3 orang sebulan selepas waktu pejabat, maka ianya juga tidak melaksanakan perkhidmatan *extended hours* (5 petang hingga 9.30 malam) dan juga perkhidmatan syif. Walaupun KK Padang Serai tidak terlibat dengan waktu operasi *extended hours* dan syif, kesesakan di klinik dapat di atasi dan pematuhan kepada norma baharu dan SOP dapat dilaksanakan dalam mencegah jangkitan penyakit termasuk pandemik COVID-19 ini.

3. Berikut dengan purata kedatangan sehari dan kes kecemasan yang tidak ramai, pihak KKM dan JKN Kedah berpendapat, klinik 24 jam masih belum perlu dilaksanakan di KK Padang Serai buat masa ini.
4. Selain pengamalan SOP, tindakan yang dibuat bagi mengelakkan kesesakan dalam ruang klinik adalah temujanji secara berperingkat bagi pesakit kronik, ibu hamil, kanak-kanak serta temujanji secara online bagi yang *walk-in* dan lain-lain.
5. Selain itu khemah juga disediakan di luar fasiliti untuk pemeriksaan pesakit bergejala, pengambilan darah dan pencucian luka. Pengubahsuaian kuarters juga telah dilakukan untuk menambah ruang bagi kegunaan klinik. Inisiatif ini berjaya mengurangkan kesesakan dalam Klinik Kesihatan Padang Serai.

Sekian, terima kasih.